



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	9/10/2019	MUKA SURAT : 23
JABATAN	:	#PSM PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

5 suspek tembak gajah diserahkan kepada JHLS

Tawau: Lima daripada enam suspek yang disyaki terlibat dalam kes pembunuhan seekor gajah Pygmy di Ulu Sungai Uduh di Dummas, Kalabakan, di sini, dibebaskan dengan jaminan polis semalam manakala seorang lagi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Tawau atas kesalahan memasuki negara ini secara haram.

Timbalan Ketua Polis Daerah Tawau, Superintendan Nor Azizulfitri Mansor, berkata lima suspek yang dibebaskan itu kemudiannya diserahkan kepada Jabatan Jabatan Hidupan Liar Sabah (JHLS) untuk proses siasatan lanjut.

Di Mahkamah Sesyen Tawau, suspek keenam yang dikenali sebagai Osman Ghafar, 48, mengaku tidak bersalah di hadapan Timbalan Pendafar Mahkamah Tinggi, Amir Shah Amir Hassan atas pertuduhan memasuki negara ini secara haram.

Mengikut kertas pertuduhan,

Osman yang juga seorang warga asing didakwa memasuki negara ini tanpa memiliki sebarang dokumen yang sah.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah tidak bernombor di dalam kawasan FELDA Umas-Umas, Kalabakan kira-kira jam 1.30 pagi, 2 Oktober lalu.

Bagi kesalahan itu, dia diuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 6(d)(c) Akta Imigrasi 1963 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 6(3) Akta Imigrasi 1959/63 (Pindaan 2002) sebelum mahkamah menetapkan 22 Oktober ini sebagai tarikh pengurusan kes.

Pertuduhan dikendalikan pegawai pendakwa, Asisten Superintendan Dayang Azrinawaty Awang Kachee, manakala tertuduh tidak diwakili peguam sebelum mahkamah.

Di Kuala Lumpur, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Datuk Abdul Ka-

dir Abu Hashim mahu penuliharaan impak hidupan liar diwajibkan bagi pembangunan dirancang di tepi hutan atau kawasan hutan terpisah bagi memastikan tiada ancaman terhadap habitat hidupan liar.

Katanya, perkara itu antara pindaan dicadangkan dalam Akta Perhutan Negara 1984 (Akta 313) dan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), yang dijangka dibentangkan di Parlimen dalam tempoh terdekat.

"Ia perlu menjadi rujukan sebelum sebarang pembangunan dirancang di kawasan yang boleh menjelaskan habitat hidupan liar. Antara perkara baharu ialah mewajibkan semua pengusaha bangunan di tepi hutan atau di kawasan hutan terpisah perlu menyiapkan penilaian impak hidupan liar.

"Projek pembangunan tidak akan lulus kalau tidak buat pe-

nilaian ini. Sebelum memulakan kerja pembangunan di kawasan tersebut, kena dapat kelulusan," katanya.

Bagi melindungi spesies yang dilindungi, undang-undang berkaitan penuliharaan hidupan liar perlu mengantikan hukuman lebih berat terhadap kegiatan pemburu haruan dan pemerdagangan hidupan liar.

Katanya, pindaan Akta 716 ini penting untuk mengataskan lagi undang-undang dan memastikan pemburu haruan dikenakan hukuman lebih berat.

Beliau berkata, menerusi pindaan ini, hukuman denda maksimum RM1 juta akan dikenakan berbanding sebelum ini denda RM500,000 bagi kesalahan pemburu haruan dan pemerdagangan hidupan liar.

"Kita berharap hukuman lebih berat ini menjadi pengajaran. Kalau hukuman tidak berat, habis hutan kita, habis hidupan liar kita," katanya.